

PRINSIP FIQH DALAM PENYEBARAN MAKLUMAT BERASASKAN KECERDASAN BUATAN (AI) DI MEDIA SOSIAL

Principles of Fiqh in AI-Based Information Dissemination on Social Media

Khairul Azhar Meerangani*

Muhammad Safwan Harun**

Muhamad Sayuti Mansor***

ABSTRACT

The advancement of Artificial Intelligence (AI) has significantly reshaped the production and dissemination of information on social media, where automated systems increasingly generate, filter, and amplify content. This development raises important fiqh-related concerns regarding source authenticity,

* Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, University of Technology MARA, Alor Gajah, 78000 Malacca. (Corresponding Author) E-mail: azharmeerangani@uitm.edu.my

** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: safone_15@um.edu.my

*** Research Fellow, International Institute of Advanced Islamic Studies, 59100 Kuala Lumpur. E-mail: sayuti@iaais.org.my

user responsibility, and the ethical implications of AI-generated information. This study examines these issues through core Shariah principles, including justice, trustworthiness, accountability, and public interest (maṣlahah ‘āmmah). Using a qualitative document analysis approach, the study reviews classical and contemporary fiqh literature, fatwa resolutions, Islamic digital ethics scholarship, and recent research on AI technologies. The findings identify three key AI characteristics with direct fiqh implications: automated generation of textual and visual content, algorithmic curation that shapes information visibility, and the production of synthetic or unverifiable material. These characteristics contribute to challenges such as weakened information authority, over-reliance on automated systems, and heightened risks of misinformation. The study concludes that the application of al-tabayyun and al-iḥtiyāt is essential when engaging with AI-generated content. It further argues for the development of a structured fiqh framework to guide ethical, responsible, and accountable information practices within AI-driven social media environment.

Keywords: *Fiqh; Artificial Intelligence; Social Media; Information; Islamic Ethics*

PENDAHULUAN

Dalam era Revolusi Industri 4.0 dan ledakan teknologi maklumat, kecerdasan buatan (AI) telah muncul sebagai pemacu utama dalam pelbagai sektor kehidupan, termasuk bidang komunikasi dan penyebaran maklumat. Kecanggihan AI dalam menghasilkan dan mengedarkan kandungan digital, seperti teks, imej, suara dan video, menjadikan teknologi ini semakin lazim digunakan dalam media sosial. Algoritma pintar yang menyokong sistem seperti *chatbots*, *recommendation systems*, *text generators* dan *deepfake* bukan sahaja mempercepat proses penyampaian maklumat, tetapi turut membentuk cara masyarakat menerima dan memberi respons

terhadap maklumat digital.¹ Secara global, penggunaan teknologi AI semakin meluas, dengan kajian menunjukkan bahawa lebih 75% organisasi di seluruh dunia telah mengintegrasikan sekurang-kurangnya satu aplikasi AI dalam operasi komunikasi dan maklumat, termasuk dalam media sosial.²

Trend yang sama turut berlaku di Malaysia, dengan pelbagai platform digital mengaplikasikan AI bagi tujuan penapisan kandungan, cadangan automatik dan pemperibadian maklumat kepada pengguna.³ Perkembangan ini menandakan bahawa AI kini menjadi komponen teras dalam ekosistem penyebaran maklumat moden. AI digunakan secara meluas oleh platform seperti TikTok, Facebook, Instagram dan X (Twitter) untuk mempersonalisasikan kandungan, menapis maklumat dan menyusun berita berdasarkan minat pengguna. Kajian menunjukkan bahawa algoritma rekomendasi yang digunakan platform digital utama sememangnya bergantung pada model AI berasaskan pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam.⁴ Laporan World Economic Forum turut menegaskan bahawa sistem AI menjadi teras kepada proses pemilihan dan pengedaran kandungan dalam ekosistem media sosial global.⁵

¹ Rohit Nishant, Mike Kennedy and Jacqueline Corbett, "Artificial Intelligence for Sustainability: Challenges, Opportunities, and a Research Agenda," *International Journal of Information Management* 53, no. 2 (2020): 37, <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2020.102104>.

² Alex Singla, Alexander Sukharevsky, Lareina Yee, and Michael Chui, *The State of AI: How Organization are Rewiring to Capture Value*, Report (QuantumBlack AI by Mckinsey, 2025), <https://www.mckinsey.com/capabilities/quantumblack/our-insights/the-state-of-ai-how-organizations-are-rewiring-to-capture-value>.

³ Simon Kemp, "Digital 2025: Global Overview Report," Datareportal, diakses pada 23 Mei 2025, <https://datareportal.com/reports/digital-2025-global-overview-report>.

⁴ Center for Humane Technology, "AI in Society", *Center for Humane Technology*, diakses pada 27 November 2025, <https://www.humanetech.com/ai-society>.

⁵ Kate Whiting, "The Impact of AI on Growth," *World Economic Forum*, diakses pada 28 November 2025, <https://www.weforum.org/stories/2023/05/growth-summit-2023-the-impact-of-generative-ai-on-growth-according-to-experts/>.

Namun, di sebalik kelebihanannya, penggunaan AI juga terbukti menyumbang kepada penyebaran maklumat tidak sahih, berita palsu dan manipulasi persepsi awam. Laporan UNESCO menyatakan bahawa model AI generatif mampu menghasilkan kandungan yang kelihatan sahih tetapi tidak berasaskan fakta,⁶ manakala Laporan Europol pula mengesahkan peningkatan penggunaan teknologi *deepfake* dalam penipuan digital dan penyamaran identiti tokoh masyarakat.⁷ Selain itu, kajian dalam bidang AI generatif menunjukkan bahawa model seperti ChatGPT dan Gemini berpotensi menghasilkan maklumat yang tidak tepat atau bersifat spekulatif akibat fenomena ‘hallucination’ (MIT Technology Review, 2023). Fenomena ini memperkukuhkan dapatan bahawa AI bukan sahaja mempercepat penyebaran maklumat, tetapi turut meningkatkan risiko ketidaksahihan kandungan dalam talian.⁸

Fenomena ini memberi kesan paling ketara dalam ekosistem media sosial, kerana platform-platform tersebut berfungsi sebagai saluran utama bagi penyebaran kandungan yang dijana oleh AI. Dengan sifat media sosial yang pantas, terbuka dan bersifat viral, apa jua kandungan yang dihasilkan oleh sistem AI sama ada sahih atau tidak, dapat tersebar dalam masa yang singkat, sekali gus memperkukuhkan kebergantungan masyarakat kepada maklumat yang tidak semestinya terverifikasi. Dalam tradisi Islam, penyebaran maklumat tertakluk kepada prinsip-prinsip syariah seperti tabayyun (pengesahan), amanah (kebertanggungjawaban), *mas’ūliyyah* (akauntabiliti), serta *daf’ al-darar* (penghindaran kemudaratan). Namun, apabila maklumat tidak lagi dihasilkan atau dikawal sepenuhnya oleh manusia tetapi oleh sistem automatik, timbul persoalan-persoalan fiqh yang memerlukan penelitian khusus dalam menentukan implikasi hukumnya.

⁶ Kalervo N. Gulson and Sam Sellar, “Artificial Intelligence and Governing Education: Rethinking Democratic Action, Resistance and Participation,” in *AI and the Future of Education: Disruptions, Dilemmas and Directions*, ed. Stefania Giannini (Paris: UNESCO, 2025), 119-120, <https://doi.org/10.54675/KECK1261>.

⁷ Europol Innovation Lab, *Facing Reality? Law Enforcement and the Challenge of Deepfakes* (Luxemborg: Europol Publications Office, 2024), 13-15.

⁸ MIT Technology Review, *Moving Generative AI into Production*, Report (MIT Technology Review Insights, 2024), 3.

Walaupun wacana etika AI semakin berkembang dalam kalangan saintis komputer dan penggubal dasar, perbincangan mendalam dari sudut fiqh Islam masih terhad, khususnya dalam konteks media sosial. Kekurangan panduan fiqh yang menyeluruh boleh menyebabkan masyarakat Islam berdepan risiko terjebak dalam penyebaran maklumat yang tidak beretika, sama ada secara sedar atau tidak. Justeru, kajian ini menjadi satu keperluan untuk menjelaskan prinsip fiqh berkaitan penggunaan AI dalam penyebaran maklumat sekaligus membimbing umat Islam dalam era digital yang kompleks ini. Prinsip-prinsip yang dikenalpasti tersebut adalah hasil analisis fiqh terhadap isu-isu di media sosial yang timbul daripada penggunaan kecerdasan buatan dalam penyebaran maklumat. Makalah ini juga berhasrat menilai keperluan untuk merangka pendekatan fiqh yang bersifat responsif terhadap cabaran teknologi semasa, tanpa mengabaikan nilai-nilai asas syariah dalam mengekalkan integriti dan kebenaran maklumat.

SOROTAN LITERATUR

Penggunaan teknologi AI dalam media sosial yang semakin berkembang memerlukan kepada suatu penilaian komprehensif. Ini bagi memastikan ia selaras dengan garis panduan syariah. Kajian lepas yang disoroti telah merumuskan tiga tema utama yang dibincangkan oleh para sarjana, seperti berikut:

a) Perkembangan Teknologi AI Dalam Media Sosial

Perkembangan kecerdasan buatan (AI) telah mengalami lonjakan pesat sejak awal abad ke-21. Bermula dengan sistem pakar (*expert systems*) dan pembelajaran berasaskan peraturan, teknologi AI kini merangkumi rangkaian neural, pembelajaran mendalam (*deep learning*), serta pemprosesan bahasa semulajadi (*natural language processing, NLP*).⁹ Dalam konteks media sosial, AI berfungsi pada pelbagai tahap:

- i. Algoritma Penapisan Kandungan (*Content Filtering*): AI menilai kesesuaian kandungan untuk setiap pengguna

⁹ Ben Shneiderman, "Human-Centered Artificial Intelligence: Reliable, Safe & Trustworthy," *International Journal of Human-Computer Interaction* 36, no.6 (2020): 495–504, <https://doi.org/10.1080/10447318.2020.1741118>.

berdasarkan sejarah interaksi, demografi, dan kecenderungan tingkah laku.¹⁰

- ii. Sistem Cadangan (*Recommendation Systems*): Platform seperti TikTok, Facebook, dan YouTube menggunakan AI untuk menampilkan video atau berita yang diyakini menarik minat pengguna, sekali gus meningkatkan masa tonton dan penglibatan.¹¹
- iii. Generasi Kandungan Automatik: Teknologi generatif seperti GPT (*Generative Pre-trained Transformer*) dan sistem *deepfake* mampu mencipta teks, imej, dan video yang kelihatan asli tanpa campur tangan manusia. Contohnya, penggunaan ChatGPT atau Google Gemini membolehkan pembuatan artikel ringkas, respons automatik dalam perbualan, dan ringkasan berita dalam masa beberapa saat sahaja.¹²

Penggunaan AI dalam media sosial tempatan bukan sahaja terhad kepada penapisan dan cadangan kandungan, tetapi juga merangkumi aspek pemasaran dan analisis data pengguna. Sebagai contoh, agensi pemasaran digital menggunakan AI untuk menyesuaikan iklan berdasarkan profil pengguna, memaksimumkan capaian dan kadar penukaran.¹³ Walau bagaimanapun, ketidakupayaan AI membezakan konteks budaya dan nilai agama kadangkala menimbulkan kandungan yang tidak sesuai atau memesongkan mesej asal, seterusnya menyumbang kepada penyebaran maklumat yang tidak tepat atau manipulatif.

¹⁰ Mohammed Fadhel Aljunid and Manjaiah Dh, "An Efficient Deep Learning Approach for Collaborative Filtering Recommender System," *Procedia Computer Science* 171, no. 1 (2020): 831, <https://doi.org/10.1016/j.procs.2020.04.090>.

¹¹ Elizabeth Fernandes, Sérgio Moro, and Paulo Cortez, "Towards a News Recommendation System to increase Reader Engagement through Newsletter Content Personalization," *Procedia Computer Science* 239, no. 1 (2024): 219–220, <https://doi.org/10.1016/j.procs.2024.06.165>.

¹² Ian Goodfellow, Yoshua Bengio, and Aaron Courville, *Deep Learning* (MIT Press, 2016), 402.

¹³ Hamimda Agil, Abdul Latiff Ahmad, dan Arina Anis Azlan, "Peranan dan Pengaruh Kecerdasan Buatan (AI) terhadap Industri Periklanan di Malaysia," *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities* 21, no. 2 (2024): 308–309, <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.25>.

b) Wacana Fiqh Berkaitan Penyebaran Maklumat di Media Sosial

Tradisi fiqh menekankan etika penyebaran maklumat melalui prinsip *tabayyun* (penyasatan dan pengesahan), larangan menyebarkan fitnah (*iftirā'*) dan kewajiban menyampaikan kebenaran. Sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan dahulu kebenarannya bagi mengelakkan sebarang perkara yang negatif seperti menfitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perkara ini menjadi salah satu agenda al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن
تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.” (Surah al-Hujurat 49:6)

Menurut al-Shawkānī, *tabayyun* merupakan proses pemeriksaan dan penilaian maklumat yang perlu digabungkan dengan prinsip *tathabbut*, iaitu prosedur sistematik yang dilakukan secara cermat, teratur dan berhati-hati sehingga menghasilkan keterangan yang nyata dan jelas.¹⁴ Tindakan menyebarkan sesuatu maklumat tanpa asas yang kukuh boleh menyebabkan pelakunya dijatuhkan sama ada hukuman hudud (seperti jenayah qazaf), mahupun ta'zir,

¹⁴ Muhammad bin Ali Al-Shawkānī, *Fath al-Qadir* (Qahirah: Dar al-Wafa', 2020), 5.65.

bergantung kepada tahap pembuktian dan keseriusan kes.¹⁵ Menurut al-Sa'dī, setiap Muslim wajib memeriksa kesahihan maklumat yang diterima, apatah lagi sekiranya ia berisiko menimbulkan fitnah atau kerosakan kepada individu dan masyarakat. Ini kerana setiap daripada anggota manusia akan dipertanggungjawabkan dengan segala tindakan yang dilakukannya semasa di dunia.¹⁶

Kini, dengan kehadiran AI, persoalan fiqh berkaitan tanggungjawab pemilik sistem (seperti pembangun dan penyelenggara AI), penyedia platform, dan pengguna menjadi semakin kompleks. Sebagai contoh, apabila AI menghasilkan kandungan palsu seperti video *deepfake* yang mencemarkan nama baik tokoh agama, hal ini menimbulkan persoalan hukum berkaitan pertanggungjawaban syarak. Di dalam konteks ini, isu yang perlu dinilai merangkumi status hukum kandungan sedemikian serta implikasi dosa atau liabiliti terhadap pengguna yang menyebarkannya sama ada secara sengaja atau tanpa sedar. Dalam membincangkan hal ini, beberapa sarjana kontemporari menekankan konsep *mas'ūliyyah* (tanggungjawab) dan *damn al-munqāl* (pertanggungjawaban ke atas perkara yang disebar) sebagai asas penilaian.¹⁷

Kajian oleh Abdul Halim Mahmood menggariskan bahawa fiqh komunikasi digital perlu diadaptasi agar memadai menghadapi cabaran baru. Beliau menegaskan bahawa walaupun penghasilan maklumat oleh AI adalah automatik, implikasi moral dan hukumnya tetap terikat pada syarat dan kaedah fiqh yang sedia ada seperti kaedah *al-umūr bi maqāṣidiha* (sesuatu perkara dinilai berdasarkan maksudnya) dan *al-ḍarar yuzāl* (kemudaratan perlu dihilangkan).¹⁸

¹⁵ Al-Nawawī, *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥazzab* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1994) 9.297.

¹⁶ 'Abd al-Rahman Al-Sa'dī, *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* (Qahirah: Dar al-Hadith, 2002), 1.457.

¹⁷ Ezieddin Elmahjub, "Artificial Intelligence (AI) in Islamic Ethics: Towards Pluralist Ethical Benchmarking for AI," *Philosophy & Technology* 36, no. 1 (2023): 17, <https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x>.

¹⁸ Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar, dan Mohd Nasir Abdul Majid, "Penggunaan Media Dalam Talian Menurut Perspektif Maqāṣid Al-Shari'ah," *Journal of Fatwa Management and Research*, 27, no. 3 (2022), 91-92. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no3.451>.

Ini selaras dengan pandangan Muḥammad Abū Zahrah yang menekankan bahawa hukum fiqh tidak berubah selagi matlamat syariah (*maqāṣid*) seperti menegakkan kebenaran (*ḥaqq*) dan mengelakkan kemudaratan (*mafsadah*) masih terpelihara.¹⁹

Beberapa kajian telah dilakukan bagi memposisikan wacana fiqh dalam era AI ini, antaranya oleh Manswab & Hafiz berkaitan fatwa,²⁰ Rasyid (Society 5.0),²¹ Fatahiyah et.al (humanoid dan robotik)²² serta Fitriani et.al (halal).²³ Selain itu, resolusi fatwa bagi Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI²⁴ dan Majlis Fatwa Negara Arab Saudi pula secara berasingan turut mula menerbitkan garis panduan etika digital. Namun begitu, kebanyakan fatwa memfokus pada aspek umum seperti larangan menyebarkan gambar aurat dan berita palsu, dan belum secara khusus membincangkan peranan dan tanggungjawab entiti AI sebagai agen penyebar maklumat¹⁴. Hal ini menunjukkan kekurangan panduan fiqh terperinci untuk menangani isu yang berpunca daripada hasil kecerdasan buatan.

¹⁹ Muhammad Abu Zahrah, *Maqasid al-Shariah* (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1988), 142–144.

²⁰ Manswab Mahsen Abdulrahman and Abdul Hafiz Musa Walusimbi, “Examining the Role of Artificial Intelligence (GPT-3.5) in Issuing Fatwas for Islamic Family Cases: A Comparative Analysis,” *Journal of Contemporary Islamic Law* 9, no. 2 (2024): 35, <https://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2025/01/Abdulrahman-Walusimbi-2024.pdf>.

²¹ Arbanur Rasyid, “Social Fiqh and Its Implications for Community Life in Society 5.0,” *Al-Ahkam* 31, no. 2 (2021): 153-154, <https://doi.org/10.21580/ahkam.2021.31.2.8219>.

²² Siti Fatahiyah Mahamood, Amily Fikry, Muhammad Iskandar Hamzah et al., “Fiqh Robotic for Artificial Intelligent in Humanoids Used for Therapy, Services and Other Social Activities: An Integration of Artificial Intelligence (AI) and Maqasid Shariah,” *Journal of Fatwa Management and Research* 28, no. 2 (2023): 7-8, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.527>.

²³ Fitriani Tobing, Hasfie Fauzan, Khairani Simatupang et al., “The Role of Artificial Intelligence in the Halal Industry,” *Information Management and Business Review* 16, no. 3 (2024): 162, [https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3\(I\)S.4050](https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3(I)S.4050).

²⁴ Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, *Garis Panduan Etika Media Digital* (Putrajaya: MKI, 2023), 5–12.

c) Analisis Fiqh terhadap Penggunaan AI dan Penyebaran
Maklumat di Media Sosial

Kekurangan perbincangan fiqh yang mendalam secara khusus mengenai penggunaan AI dalam penyebaran maklumat memerlukan kepada kajian terperinci dan komprehensif. Beberapa kajian terdahulu hanya menumpukan aspek etika atau implikasi sosial kecerdasan buatan tanpa merungkai perbincangan hukum secara *usuli*. Antaranya termasuk kajian oleh Rochman et.al. yang menekankan etika penggunaan AI dari perspektif umum,²⁵ kajian Fitriani et al. berkaitan aplikasi AI dalam industri halal,²⁶ serta analisis Khoirunisa²⁷ dan Hemmet²⁸ (2023) yang lebih menyoroti ancaman dan peluang AI pada masyarakat tanpa membahaskan kaedah fiqh atau prinsip usul sebagai asas penentuan hukum.

Justeru, dalam konteks perubahan pantas teknologi, fiqh perlu bertindak lebih proaktif. Kerangka usul fiqh, contohnya kaedah *sadd al-zarā'i* (menghalang jalan kepada kemudaratan) dan *maṣlaḥah mursalah* (kepentingan umum tanpa dalil khusus), dapat digunakan untuk menilai kewajaran penggunaan AI dalam menyebarkan maklumat.²⁹ Namun, kajian sistematik yang mengaitkan kaedah-kaedah ini dengan situasi sebenar penggunaan AI masih terhad.

²⁵ Rochman Hadi Mustofa, Trian Gigih Kuncoro, Dwi Atmono et al., "Extending The Technology Acceptance Model: The Role of Subjective Norms, Ethics, and Trust in AI Tool Adoption Among Students," *Computer and Education: Artificial Intelligence* 8, no. 1(2025): 7, <https://doi.org/10.1016/j.caeai.2025.100379>.

²⁶ Fitriani Tobing, Hasfie Fauzan, Khairani Simatupang et al., *The Role of Artificial Intelligence in the Halal Industry*, 162.

²⁷ Ana Khoirunnisa, Fathur Rohman, Hilda Aulya Azizah et al., "Islam in the Midst of AI Struggles: Between Opportunities and Threats," *International Journal of Islamic Studies* 35, no. 1 (2023): 18, 10.23917/suhuf.v35i1.22365.

²⁸ Abdullah Hemmet, "Harmonizing Artificial Intelligence with Islamic Values-A Thoughtful Analysis of Religious, Social, and Economic Impacts of Technological Advancements," *American Journal of Smart Technology and Solutions* 2, no. 2 (2023): 71, <https://doi.org/10.54536/ajsts.v2i2.2239>.

²⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *Usūl Fiqh al-Islāmī* (Damascus: Dār al-Qalam, 2003), 310.

Dapatan awal menunjukkan bahawa sistem AI yang mengagregasi dan menapis kandungan mungkin menyalahi prinsip adl (keadilan) dan amanah sekiranya mereka mempromosikan maklumat berat sebelah tanpa semakan teliti. Misalnya, laporan oleh Center for Humane Technology pada tahun 2023 mendapati bahawa algoritma kadangkala memunculkan kandungan sensasi atau provokatif untuk menarik klik, tanpa mempedulikan kebenaran fakta.³⁰ Perkara ini jelas menyalahi syarat fiqh untuk tidak menimbulkan kekacauan (fitnah) dan memelihara keharmonian masyarakat. Oleh itu, keperluan analisis fiqh yang mendalam sangat penting untuk:

- i. Meneliti tanggungjawab syarak bagi setiap entiti yang terlibat dalam proses penyebaran maklumat AI dari pembangun hingga pengguna.
- ii. Menilai status hukum maklumat yang dihasilkan oleh AI sama ada boleh diiktiraf sebagai sumber sah untuk rujukan agama.
- iii. Merangka garis panduan fiqh yang membolehkan umat Islam berinteraksi dengan kandungan AI sambil mengekalkan nilai seperti tabayyun, amanah, dan maslahah.

Justeru, kajian ini memfokuskan analisis prinsip fiqh berasaskan sumber primer Al-Quran, Sunnah, dan kaedah usul fiqh, bagi merumuskan suatu kerangka fiqh kontemporari yang relevan dengan cabaran AI dan media sosial.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya melalui kaedah analisis dokumen. Kaedah ini dipilih bagi membolehkan pengkaji meneliti wacana fiqh dan perkembangan teknologi AI secara mendalam melalui sumber bertulis yang sahih serta diiktiraf. Proses pengumpulan data dilakukan melalui tiga saluran utama: (i) pangkalan data digital seperti Maktabah al-Shāmilah, al-Maktabah al-Waqfiyyah dan Google Scholar untuk mendapatkan sumber fiqh klasik dan kontemporari; (ii) akses kepada jurnal berindeks seperti Scopus dan Web of Science bagi

³⁰ Center for Humane Technology, *The Algorithmic Harm Report 2023* (San Francisco: CHT, 2023), 22–25.

memperoleh artikel berkaitan etika digital dan AI; serta (iii) rujukan buku dan laporan rasmi yang diperoleh daripada perpustakaan fizikal universiti.

Bagi memastikan kesahihan dan kredibiliti sumber, pemilihan dokumen dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu autoriti penulis (*mu'tabar*), status penerbitan (berwasit atau berindeks), reputasi institusi penerbit, dan kesesuaian kandungan dengan objektif kajian. Sumber fiqh klasik yang digunakan dipastikan melalui silang semakan edisi *tahqīq*, manakala sumber akademik moden diverifikasi melalui faktor impak, sitasi dan penerimaan dalam komuniti penyelidikan. Laporan digital pula diperiksa dari segi metodologi asal, tahun penerbitan dan tahap ketepatan data.

Proses analisis data dilakukan menggunakan pendekatan analisis tematik sebagaimana garis panduan Braun dan Clarke.³¹ Pertama, pengkaji menjalankan proses *familiarisation* melalui pembacaan berulang terhadap semua dokumen untuk mengenal pasti idea utama. Kedua, kod awal (*initial coding*) dibina dengan menandakan konsep fiqh, isu digital, prinsip usul dan dapatan berkaitan AI. Ketiga, kod-kod ini dikumpulkan bagi membentuk tema awal yang menggambarkan hubungan antara prinsip fiqh dan amalan teknologi. Keempat, tema-tema tersebut disemak (*reviewing themes*) dengan menilai kesesuaian dan ketepatan makna pada tahap data individu dan keseluruhan korpus.

Kelima, setiap tema ditakrif dan dinamakan secara jelas (*defining and naming themes*) bagi memastikan ia mencerminkan isu fiqh yang dibincangkan, seperti kebertanggungjawaban, kesahihan maklumat dan prinsip tabayyun. Keenam, dapatan analisis ini disusun dan dibentangkan dalam bentuk naratif bagi menjelaskan bagaimana prinsip fiqh diaplikasikan dalam konteks penggunaan AI untuk penyebaran maklumat di media sosial. Pendekatan ini membolehkan kajian dilakukan secara sistematik, telus dan berasaskan triangulasi sumber, seterusnya menjamin

³¹ Virginia Braun, and Victoria Clarke, "Using Thematic Analysis in Psychology," *Qualitative Research in Psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101, <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>.

ketepatan analisis terhadap isu-isu fiqh yang timbul dalam ekosistem digital semasa.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu-isu fiqh berkaitan penyebaran maklumat di media sosial berpunca daripada tiga ciri utama teknologi kecerdasan buatan (AI), iaitu: (i) kemampuan AI menjana kandungan secara automatik seperti teks, imej dan video deepfake tanpa autoriti sumber; (ii) penggunaan algoritma penyusunan kandungan (*algorithmic curation*) yang menentukan capaian dan kadar sebaran maklumat; dan (iii) kecenderungan model AI generatif menghasilkan maklumat yang tidak sepenuhnya sahih. Ketiga-tiga ciri ini dikenal pasti melalui analisis dokumen fiqh, laporan etika digital dan literatur kontemporari, dan merupakan asas kepada isu kebertanggungjawaban, kesahihan maklumat dan etika penyampaian menurut hukum Islam.

1. Isu Kebertanggungjawaban (*taklīf*) terhadap Maklumat AI

Salah satu isu fiqh utama yang timbul dalam penggunaan kecerdasan buatan ialah persoalan mengenai tanggungjawab hukum (*taklīf*) terhadap maklumat yang dihasilkan atau disebarkan oleh sistem AI. Dalam fiqh tradisional, prinsip *taklīf* hanya dikenakan ke atas individu yang memiliki akal, kehendak, dan kesedaran, yakni manusia yang mukallaf.³² AI, sebaliknya, adalah entiti bukan berakal dan tidak mempunyai kehendak bebas. Oleh itu, secara asasnya, ia tidak tertakluk kepada hukum syarak secara langsung. Namun, realiti semasa menunjukkan bahawa AI mampu menghasilkan dan menyebarkan kandungan secara automatik melalui algoritma tersuai (*customised algorithms*), tanpa campur tangan manusia secara langsung dalam setiap proses.³³ Ini menimbulkan dilema jika tiada satu pihak yang secara khusus menulis atau memilih kandungan tersebut, maka

³² Wahbah Al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Damascus: Dar al-Fikr, 2003), 1.465.

³³ Kai-Cheng Yang, Onur Varol, and Clayton A. Davis et al., "Arming the public with artificial intelligence to counter social bots," *Human Behavior and Emerging Technologies* 1, no. 1 (2019), 54, <https://doi.org/10.1002%2Fhbe2.115>.

siapa yang memikul tanggungjawab syarak sekiranya berlaku penyebaran maklumat palsu, fitnah, atau kerosakan kepada masyarakat?

Dalam hal ini, analisis fiqh kontemporari mengesyorkan pendekatan kolektif dengan melihat kepada tiga pihak utama sebagai subjek tanggungjawab, iaitu:

- Pemilik sistem (*ṣāhib al-nizām*): Pihak yang membiayai, mengawal atau memiliki platform AI.
- Pengendali teknologi (*mushaghghil*): Individu yang mengatur atau melatih sistem AI untuk menghasilkan kandungan tertentu.
- Penyebar akhir (*munashir*): Pengguna atau individu yang berkongsi kandungan tersebut ke khalayak awam.

Ketiga-tiga pihak ini dilihat sebagai berkongsi liabiliti hukum berdasarkan kaedah fiqh:

الْعَزْمُ بِالْغَنَمِ

Terjemahan: “Seseorang yang memperoleh manfaat daripada sesuatu sistem hendaklah juga menanggung risikonya.”³⁴

Berdasarkan kaedah ini, seseorang yang memperoleh manfaat dan keuntungan daripada sesuatu urusan, perlu bersedia untuk menanggung sebarang risiko dan kerugian yang mungkin timbul. Kaedah ini pada kebiasaannya sering dihubungkan dengan kaedah ‘*al-kharāj bi al-ḍamān*’ dalam literatur fiqh.³⁵ Selain itu, situasi ini juga berlandaskan prinsip:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

³⁴ Muhammad Mustafa Zuhaylī, *Al-Qawā'id al-Fiqhīyah wa Tatbīqātuhā fī al-Madhāhib al-Arba'ah* (Beirut: Dār al-Fikr, 2006), 122.

³⁵ Muhammad Mustafa Zuhaylī, *Al-Qawā'id al-Fiqhīyah*, 185.

Terjemahan: “*Menghindari kemudharatan perlu didahulukan daripada memperoleh manfaat.*”³⁶

Prinsip ini diaplikasikan terutamanya apabila risiko salah faham, fitnah atau manipulasi maklumat digital melibatkan kemaslahatan awam. Oleh itu, dalam konteks fiqh digital, penggunaan AI tidak boleh dianggap neutral semata-mata, sebaliknya menuntut kebertanggungjawaban dari semua pihak berkepentingan. Ini menuntut penggubalan panduan fiqh dan etika digital yang lebih komprehensif untuk menangani cabaran baharu ini.

2. Kesahihan Maklumat dan Prinsip *Sadd al-Dharā'i*

Penggunaan kecerdasan buatan dalam menghasilkan kandungan palsu seperti video *deepfake*, imej manipulatif atau maklumat rekaan (*false content generation*) semakin membimbangkan dalam era media sosial. Teknologi ini memungkinkan penciptaan maklumat yang kelihatan sah tetapi hakikatnya direka sepenuhnya, sehingga mengancam kesahihan (*ṣiḥḥah*) dan meruntuhkan kepercayaan (*thiqah*) terhadap maklumat digital.³⁷ Fenomena ini mengaburkan garis antara fakta dan penipuan, lantas memberi kesan langsung terhadap pembentukan pendapat awam, khususnya dalam konteks politik, agama dan keselamatan sosial.

Dari perspektif fiqh, segala bentuk pemalsuan maklumat termasuk dalam larangan yang tegas. Ia boleh dikategorikan sebagai; *ghurūr* (ketidakjelasan maklumat), *tadlīs* (penyembunyian kecacatan atau manipulasi kebenaran), serta *kadhib* (penipuan secara terang-terangan).³⁸ Ketiga-tiga unsur ini telah dinyatakan secara jelas sebagai perbuatan tercela dalam syarak kerana membawa kepada kemudharatan terhadap individu

³⁶ ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad ‘Azzām, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2005), 145.

³⁷ Ezieddin Elmahjub, “Artificial Intelligence (AI) in Islamic Ethics: Towards Pluralist Ethical Benchmarking for AI,” *Philosophy and Technology*, 36, no. 73 (2023): 17, <https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x>.

³⁸ Yusuf Al-Qaradawi, *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Cairo: Maktabah Wahbah, 2001), 317–320.

dan masyarakat. Dalam hal ini, prinsip *sadd al-dharā'i*, iaitu menutup segala jalan atau punca yang boleh membawa kepada kerosakan (*mafsadah*) amat relevan.

Sehubungan itu, penggunaan AI untuk mencipta kandungan yang boleh mencetuskan fitnah, kekeliruan awam, ketegangan sosial atau manipulasi politik boleh disekat atas dasar ini, meskipun tujuan asal pembangunannya adalah neutral atau bersifat teknologi semata-mata.³⁹ Ia adalah selari dengan kaedah fiqh yang menyebutkan:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ مَنْوُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Terjemahan: “Tindakan (keputusan) imam (pemerintah) bergantung kepada masalah (kepentingan umum).”⁴⁰

Dalam maksud yang lain, ia menuntut pendekatan preventif dalam fiqh, bukan hanya menghukum hasil, tetapi juga mengenal pasti risiko di peringkat awal penggunaan. Penilaian kesan dalam konteks ini amat wajar. Ianya adalah selari dengan prinsip *i‘tibār al-ma‘ālāt* yang ditekankan untuk menilai pencapaian kemaslahatan mahupun menafikan kehadiran mafsadah. Prinsip pencapaian *maṣlaḥah mursalah* berasaskan pertimbangan *maqāṣid al-sharī‘ah* ialah memastilah kehadiran antara *maṣlaḥah rājiḥah*, *maṣlaḥah mashkūkah* atau *maṣlaḥah mawhūmah*.⁴¹

Pertimbangan tersebut merujuk kepada *i‘tibār al-ma‘ālāt* terhadap sesuatu yang akan diaplikasikan. Dalam situasi

³⁹ Zelfeni Wimra, Yasrul Huda, Mahlil Bunaiya et al., “The Living Fiqh: Anatomy, Philosophical Formulation, and Scope of Study,” *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah* 22, no. 1 (2023): 192, <http://dx.doi.org/10.31958/juris.v22i1.9491>.

⁴⁰ Muhammad Mustafa Zuhaylī, *Al-Qawā‘id al-Fiqhīyah*, 231.

⁴¹ Muhammad Safwan Harun, Luqman Abdullah, Muhammad Ammar Harith Idris et al., “The Concept of Al-Thawābit and Al-Mutaghayyirāt in Technological Innovation According to Maqāṣid al-Sharī‘ah,” *Millah: Journal of Religious Studies* 24, no. 2 (2025): 582, 10.20885/millah.vol24.iss2.art1.

penggunaan AI yang dinyatakan, perkara yang terhasil adalah mafsadah atau kerosakan dengan penyebaran fitnah yang mencetuskan permusuhan dan pergaduhan. Penilaian ini bukanlah suatu andaian, bahkan membentuk realiti masyarakat maya semasa. Lantaran itu, Majma' al-Fiqh al-Islami telah mengeluarkan pandangan bahawa segala bentuk teknologi yang membawa kepada penyebaran fitnah, *ifk* (tuduhan palsu) dan kerosakan sosial, adalah haram sekiranya tidak disertai dengan mekanisme kawalan dan tadbir urus yang jelas serta bertanggungjawab.⁴² Ini selari dengan *maqāsid al-sharī'ah* yang menuntut perlindungan terhadap agama, akal, maruah dan keharmonian masyarakat. Justeru, penerapan fiqh dalam menangani kecanggihan teknologi seperti AI bukan sahaja bersifat reaktif terhadap isu, malah perlu berpandukan prinsip *ihitiyātiyyah* (berhati-hati) dan *sadd al-zarā'i*, demi menjamin ketelusan serta keadilan dalam ruang maklumat digital masa kini.

3. Penilaian terhadap Elemen Niat, Tujuan dan Konteks Penyebaran

Dalam kerangka usul fiqh, penetapan sesuatu hukum tidak hanya bergantung kepada bentuk zahir perbuatan, tetapi juga bertitik tolak daripada unsur niat (*al-niyyah*), sebab (*al-sabab*), dan konteks (*al-maqām*) pelaksanaan sesuatu tindakan.⁴³ Prinsip ini menjadi asas penting dalam menilai sebarang isu kontemporari, termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam penyebaran maklumat di media sosial. Secara asasnya, syarak mensyaratkan agar niat mukallaf dalam sebarang pelaksanaan tanggungjawab mestilah ikhlas kerana Allah SWT sebagaimana terkandung dalam hadis yang bermaksud:

⁴² Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwalī, "Qarār bi-Sha'ni al-'Umlāt al-Illiktirūniyyah," *al-Dawrah al-Rābi'ah wa al-'Ishrūn* (Riyad: Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwalī, 2019).

⁴³ Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Safwan Harun, dan Adam Badhrulhisham, "Kepimpinan Non Muslim di Malaysia Menurut Perspektif Maqāsid al-Sharī'ah," *Jurnal Fiqh* 18, no. 2 (2021): 308-309, <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol18no2.3>.

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ

Terjemahan: “*Sesungguhnya amal itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya bagi setiap seseorang itu apa yang ia niatkan.*”⁴⁴

Premis ini kemudian diperincikan lagi oleh al-Shātibī dalam memastikan keselarian antara niat mukallaf dengan kehendak syarak. Dalam maksud yang lain, tindakan mukallaf (*qaṣd al-mukallaf*) mestilah seiring dengan tujuan syarak (*qaṣd al-shārī*). Percanggahan antara keduanya akan menyebabkan perbuatan tersebut dianggap batal secara objektifnya.⁴⁵ Mengambil premis tersebut, sekiranya AI digunakan untuk tujuan positif, seperti menyebarkan maklumat sahih, pendidikan awam, atau kesedaran sosial, maka penggunaannya boleh termasuk dalam kategori *maṣlaḥah mursalah*, iaitu kemaslahatan yang tidak disebut secara khusus dalam nas, tetapi selari dengan prinsip-prinsip umum syariah.⁴⁶ Contohnya, penggunaan AI untuk menterjemah kandungan Islamik secara automatik, atau untuk mengenal pasti dan menapis kandungan ekstremis, jelas menyumbang kepada *maqāṣid al-sharī‘ah* dari aspek penjagaan agama (*hifẓ al-dīn*) dan akal (*hifẓ al-‘aql*). Hal ini selari dengan penegasan al-Ghazālī tentang *maṣlaḥah mursalah* diiktiraf sekiranya menjurus kepada pemeliharaan mana-mana daripada *al-kulliyāt al-khams*.⁴⁷

Namun demikian, apabila AI digunakan untuk tujuan memfitnah, memanipulasi fakta, atau memburukkan individu atau institusi, ia berubah menjadi *mafsadah* iaitu kemudaratan yang ditegah oleh syarak. Penggunaan teknologi seperti algoritma penyesuaian (*algorithmic manipulation*) atau bots penyebar fitnah jelas tergolong dalam tindakan yang mengancam kesejahteraan

⁴⁴ Riwayat Muslim, Kitab al-Imarat, no. 1907.

⁴⁵ Abu Ishaq Al-Shatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah* (Cairo: Dar al-Ma‘rifah, 1997), 2.27–32.

⁴⁶ Ibid., 27–32.

⁴⁷ Abū Hāmid Muḥammad al-Ghazālī, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Hamzah Zuhāyir Ḥafiz (Shirkah al-Madīnah al-Munawwarah, t.t), 2.482.

awam dan ketelusan maklumat.⁴⁸ Bahkan, dalam konteks ini, *al-niyyah* pengguna atau pembangun sistem AI memainkan peranan penting dalam menentukan hukum niat buruk yang disertakan dengan tindakan manipulatif menjadikan perbuatan tersebut berdosa kerana menyalahi *maqāṣid al-sharī'ah* yang menekankan aspek *jalb al-masāliḥ* dan *dar al-mafāsid*. Dalam erti kata lain, perlunya keselarian antara *wasilah* yang harus dengan objektif penggunaannya sebagaimana ditegaskan dalam kaedah:

لِلْوَسَائِلِ أَحْكَامُ الْمَقَاصِدِ

Terjemahan: “*Hukum mekanisme (wasilah) mengikut hukum objektif.*”

Sehubungan itu, analisis fiqh terhadap penggunaan AI mestilah menyeluruh, mempertimbangkan:

- Siapa pemilik teknologi (*ṣāhib al-ālah*) – iaitu entiti yang mengawal sistem dan data;
- Apa konteks penyebaran maklumat – adakah dalam situasi konflik, kempen politik, atau dakwah;
- Apa niat (*al-niyyah*) sebenar – samada ingin mendidik atau mengelirukan.

Hanya dengan mengambil kira keseluruhan aspek ini, penilaian hukum terhadap penggunaan AI dapat dilakukan secara adil, seimbang dan menepati prinsip *fiqh waqi'i* (fiqh berasaskan realiti semasa).

4. Prinsip Tabayyun sebagai Instrumen Penapisan Maklumat

Walaupun prinsip tabayyun tidak menjadi fokus utama dalam tajuk kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa ia kekal sebagai asas penting dalam etika fiqh penyebaran maklumat, lebih-lebih lagi dalam era digital yang dipacu oleh teknologi kecerdasan

⁴⁸ Marijn Janssen, Paul Brous, Elsa Estevez et al., “Data Governance: Organizing Data for Trustworthy Artificial Intelligence,” *Government Information Quarterly* 37, no. 3 (2020): 45, <https://doi.org/10.1016/j.giq.2020.101493>.

buatan (AI). *Tabayyun*, secara jelas meletakkan kewajipan kepada individu Muslim untuk berhati-hati terhadap berita yang diterima, terutamanya jika ia datang daripada sumber yang tidak diketahui atau diragui. Dalam konteks AI, *tabayyun* menjadi semakin relevan kerana maklumat disebarkan secara automatik, pantas, dan berskala besar melalui algoritma tersuai tanpa kawalan manusia secara langsung. Kecanggihan teknologi seperti deepfake, algoritma pembiasan maklumat, dan model bahasa generatif menjadikan proses penilaian maklumat jauh lebih kompleks berbanding era terdahulu.⁴⁹ Oleh itu, *tabayyun* bukan sahaja kekal sebagai prinsip fiqh, malah harus dinaik taraf sebagai satu mekanisme penyaringan digital yang bersifat holistik dan sistematik.

Dalam kerangka fiqh kontemporari, prinsip ini boleh diterjemahkan secara praktikal melalui beberapa pendekatan:

- a) Pembangunan penapis maklumat berasaskan nilai Islamik, seperti alat pengesanan kandungan yang mampu menilai unsur fitnah, penipuan atau manipulasi dari sudut hukum syarak;
- b) Penggunaan teknologi semakan fakta (*ethical fact-checking tools*) yang disepadukan dengan nilai 'adalah, amanah, dan *maṣlahah*;
- c) Penggubalan garis panduan penyebaran maklumat berdasarkan *maqāṣid al-sharī'ah*, yang menekankan perlindungan agama (*ḥifẓ al-dīn*), akal (*ḥifẓ al-'aql*), dan maruah (*ḥifẓ al-'ird*).

Majma' al-Fiqh al-Islāmī menekankan kepentingan menyaring maklumat dengan teliti dalam zaman ledakan maklumat digital. Mereka menegaskan bahawa penyebaran berita tanpa verifikasi merupakan satu bentuk *ta'āwun 'ala al-ithm* (kerjasama dalam dosa) yang bertentangan dengan prinsip syariah.⁵⁰ Oleh itu, dalam

⁴⁹ Ana Khoirunnisa, Fathur Rohman, Hilda Aulya Azizah et al., "Islam in the Midst of AI Struggles: Between Opportunities and Threats," *International Journal of Islamic Studies* 35, no. 1 (2023): 18, 10.23917/suhuf.v35i1.22365.

⁵⁰ Majma' al-Fiqh al-Islami, *Qarārāt wa Tausiyāt*, no. 210 (Jeddah: Organization of Islamic Cooperation, 2017), 78–80.

realiti digital kini, tabayyun bukan hanya satu adab, tetapi merupakan tanggungjawab hukum yang bersifat kolektif (*fard kifāyah*) bagi memastikan kemurnian maklumat dan kestabilan masyarakat tidak terganggu.

Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan AI dalam penyebaran maklumat membawa cabaran fiqh yang kompleks dan menuntut pendekatan baru yang responsif terhadap perubahan zaman. Isu-isu seperti liabiliti digital, kesahihan maklumat, penipuan pintar dan etika pengguna AI perlu diberi perhatian dalam kerangka fiqh yang komprehensif. Justeru, kajian ini menyarankan agar pembangunan teknologi AI di dunia Islam perlu disertai dengan kerangka panduan fiqh yang kukuh, kolaborasi antara ulama dan pakar teknologi, serta literasi digital berasaskan prinsip-prinsip Islam. Penerapan prinsip tabayyun, *sadd al-zarā'i*, dan *maṣlaḥah mursalah* dalam ekosistem digital adalah kunci kepada kelestarian maklumat yang sahih, beradab dan beretika dalam era kecerdasan buatan.

KESIMPULAN

Kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam bidang komunikasi digital, khususnya media sosial, telah mencetuskan perubahan paradigma dalam penyebaran maklumat. AI bukan sahaja mempercepat dan memperluas capaian maklumat, malah turut mencabar struktur epistemologi maklumat tradisional, termasuk aspek kesahihan, autoriti dan niat penyampaian. Dalam konteks fiqh, kemajuan ini menimbulkan keperluan mendesak untuk menilai semula pendekatan hukum terhadap penyampaian informasi, khususnya apabila medium dan agen penyebaran bukan lagi manusia semata-mata, tetapi sistem pintar tanpa sedar (*non-conscious entities*). Melalui kajian ini, beberapa isu utama telah dikenalpasti, antaranya persoalan kebertanggungjawaban syarak terhadap maklumat yang dihasilkan atau disebarkan oleh AI, cabaran penentuan kesahihan dan integriti kandungan digital, serta keperluan terhadap prinsip fiqh seperti *tabayyun*, *sadd al-zarā'i*, dan *maṣlaḥah mursalah* dalam menilai kegunaan teknologi baharu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penyebaran maklumat melalui AI boleh mendatangkan manfaat besar dalam

konteks dakwah, pendidikan dan kesedaran masyarakat, namun perlu dikawal dengan kerangka etika dan hukum yang jelas agar tidak membawa kepada fitnah, *ifk*, atau kemudaratan awam (*mafsadah*). Akhirnya, pendekatan fiqh terhadap kecerdasan buatan bukan sekadar menilai hukum halal atau haram penggunaan teknologi, tetapi lebih jauh lagi menyusun semula wacana keilmuan Islam dalam menghadapi cabaran epistemologi dan etika yang baharu. Justeru, kajian lanjut amat diperlukan untuk membina model hukum fiqh digital yang lebih komprehensif, responsif dan sejajar dengan realiti semasa.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian “Pembinaan Model Tabayyun Digital Bagi Pengguna Media Sosial di Malaysia” di bawah pembiayaan Geran Fundamental Research Grant Scheme – Early Career (FRGS-EC) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dengan rujukan: [FRGS-EC/1/2024/SS05/UITM/02/4].

RUJUKAN

‘Azzām, ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad. *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Kaerah: Dār al-Hadīth, 2005.

Abdulrahman, Manswab Mahsen and Abdul Hafiz Musa Walusimbi. “Examining the Role of Artificial Intelligence (GPT-3.5) in Issuing Fatwas for Islamic Family Cases: A Comparative Analysis.” *Journal of Contemporary Islamic Law* 9, no. 2 (2024): 30-38.
<https://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2025/01/Abdulrahman-Walusimbi-2024.pdf>.

Abu Zahrah, Muhammad. *Maqasid al-Shariah*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1988.

Agil, Hamimda., Abdul Latiff Ahmad, dan Arina Anis Azlan. “Peranan dan Pengaruh Kecerdasan Buatan (AI) terhadap Industri Periklanan di Malaysia.” *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities* 21, no. 2 (2024): 303–316.
<https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.25>.

- al- Zuhaylī, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damascus: Dar al-Fikr, 2003, 1.
- al- Zuhaylī, Wahbah. *Usūl Fiqh al-Islāmī*. Damascus: Dār al-Qalam, 2003.
- al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. Hamzah Zuhāyr Ḥafīz. t.tp: Shirkah al-Madīnah al-Munawwarah, t.t.
- Aljunid, Mohammed Fadhel and Manjaiah Dh. “An Efficient Deep Learning Approach for Collaborative Filtering Recommender System.” *Procedia Computer Science* 171, no. 1 (2020): 829–836. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2020.04.090>.
- al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥazzab*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1994, 9.
- al-Qaradawi, Yusuf. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Cairo: Maktabah Wahbah, 2001.
- al-Sa’di, ‘Abd al-Rahman. *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Qahirah: Dar al-Hadith, 2002.
- al-Shatibi, Abu Ishaq. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Cairo: Dar al-Ma‘rifah, 1997, 2.
- al-Shawkānī, Muhammad bin Ali. *Fath al-Qadir*. Qahirah: Dar al-Wafa’, 2020, 5.
- al-Zuhaylī, Muhammad Mustafa. *Al-Qawā‘id al-Fiqhīyah wa Tatbīqātuhā fi al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Beirut: Dār al-Fikr, 2006.
- Braun, Virginia. and Victoria Clarke. “Using Thematic Analysis in Psychology.” *Qualitative Research in Psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101, <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>.
- Center for Humane Technology, *The Algorithmic Harm Report 2023*. San Francisco: CHT, 2023.
- Center for Humane Technology. “AI in Society.” <https://www.humanetech.com/ai-society>.
- Datareportal. *Digital 2024 Global Overview Report: Malaysia*. Kuala Lumpur: Datareportal, 2024.

- Elmahjub, Ezieddin. "Artificial Intelligence (AI) in Islamic Ethics: Towards Pluralist Ethical Benchmarking for AI." *Philosophy and Technology*, 36, no. 73 (2023): 1–24. <https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x>.
- Europol Innovation Lab. *Facing Reality? Law Enforcement and the Challenge of Deepfakes*. Luxembourg: Europol Publications Office, 2024.
- Fernandes, Elizabeth., Sérgio Moro, and Paulo Cortez. "Towards a News Recommendation System to increase Reader Engagement through Newsletter Content Personalization." *Procedia Computer Science* 239, no. 1 (2024): 217–225. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2024.06.165>.
- Goodfellow, Ian., Yoshua Bengio, and Aaron Courville. *Deep Learning*. MIT Press, 2016.
- Gulson, Kalervo N. and Sam Sellar. "Artificial Intelligence and Governing Education: Rethinking Democratic Action, Resistance and Participation." In *AI and the Future of Education: Disruptions, Dilemmas and Directions*, ed. Stefania Giannini. Paris: UNESCO, 2025. <https://doi.org/10.54675/KECK1261>.
- Harun, Muhammad Safwan., Luqman Abdullah, Muhammad Ammar Harith Idris, Khairul Azhar Meerangani, and Abdul Karim Ali. "The Concept of Al-Thawābit and Al-Mutaghayyirāt in Technological Innovation According to Maqāṣid al-Sharī'ah." *Millah: Journal of Religious Studies* 24, no. 2 (2025): 582. [10.20885/millah.vol24.iss2.art1](https://doi.org/10.20885/millah.vol24.iss2.art1).
- Hemmet, Abdullah. "Harmonizing Artificial Intelligence with Islamic Values-A Thoughtful Analysis of Religious, Social, and Economic Impacts of Technological Advancements." *American Journal of Smart Technology and Solutions* 2, no. 2 (2023): 65-76. <https://doi.org/10.54536/ajsts.v2i2.2239>.
- Janssen, Marijn., Paul Brous, Elsa Estevez, Luis S. Barbosa, and Tomasz Janowski. "Data Governance: Organizing Data for Trustworthy Artificial Intelligence." *Government*

- Information Quarterly* 37, no. 3 (2020): 45.
<https://doi.org/10.1016/j.giq.2020.101493>.
- Kemp, Simon. "Digital 2025: Global Overview Report," *DataReportal*. <https://datareportal.com/reports/digital-2025-global-overview-report>.
- Khoirunnisa, Ana., Fathur Rohman, Hilda Aulya Azizah, Devi Ardianti, Arinta Lailatul Maghfiroh, and Aditya Muhammad Noor. "Islam in the Midst of AI Struggles: Between Opportunities and Threats." *International Journal of Islamic Studies* 35, no. 1 (2023): 15-24. 10.23917/suhuf.v35i1.22365.
- Mahamood, Siti Fatahiyah., Amily Fikry, Muhammad Iskandar Hamzah, Mohammad Mahyuddin Khalid, Azri Bhari, and Ali Miftakhu Rosyad. "Fiqh Robotic for Artificial Intelligent in Humanoids Used for Therapy, Services and Other Social Activities: An Integration of Artificial Intelligence (AI) and Maqasid Shariah." *Journal of Fatwa Management and Research* 28, no. 2 (2023): 2-13. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.527>.
- Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Garis Panduan Etika Media Digital*. Putrajaya: MKI, 2023.
- Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī. "Qarār bi-Sha'ni al-'Umlāt al-Ilktirūniyyah." *al-Dawrah al-Rābi'ah wa al-'Ishrūn*. Riyad: Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī, 2019.
- Majma' al-Fiqh al-Islami. *Qarārāt wa Tausiyāt*. Jeddah: Organization of Islamic Cooperation, 2017.
- Meerangani, Khairul Azhar., Muhammad Safwan Harun, dan Adam Badhrulhisham. "Kepimpinan Non Muslim di Malaysia Menurut Perspektif Maqāṣid al-Sharī'ah." *Jurnal Fiqh* 18, no. 2 (2021): 289-316. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol18no2.3>.
- MIT Technology Review. *Moving Generative AI into Production*. MIT Technology Review Insights, 2024.
- Mustofa, Rochman Hadi., Trian Gigih Kuncoro, Dwi Atmono, Hardika Dwi Hermawan, and Sukirman. "Extending The Technology Acceptance Model: The Role of

- Subjective Norms, Ethics, and Trust in AI Tool Adoption Among Students.” *Computer and Education: Artificial Intelligence* 8, no. 1 (2025): 2-10. <https://doi.org/10.1016/j.caeai.2025.100379>.
- Nishant, Rohit., Mike Kennedy and Jacqueline Corbett. “Artificial Intelligence for Sustainability: Challenges, Opportunities, and a Research Agenda.” *International Journal of Information Management* 53, no. 2 (2020): 37. <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2020.102104>.
- Rasyid, Arbanur. “Social Fiqh and Its Implications for Community Life in Society 5.0.” *Al-Ahkam* 31, no. 2 (2021): 141–160. <https://doi.org/10.21580/ahkam.2021.31.2.8219>.
- Rosidi, Mohd Harifadilah., Ahmad Wifaq Mokhtar, dan Mohd Nasir Abdul Majid. “Penggunaan Media Dalam Talian Menurut Perspektif Maqāsid Al-Shari‘ah.” *Journal of Fatwa Management and Research*, 27, no. 3 (2022), 78–105. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no3.451>.
- Shneiderman, Ben. “Human-Centered Artificial Intelligence: Reliable, Safe & Trustworthy.” *International Journal of Human-Computer Interaction* 36, no.6 (2020): 495–504. <https://doi.org/10.1080/10447318.2020.1741118>.
- Singla, Alex., Alexander Sukharevsky, Lareina Yee, and Michael Chui. *The State of AI: How Organization are Rewiring to Capture Value*. Report. QuantumBlack AI by Mckinsey, 2025. <https://www.mckinsey.com/capabilities/quantumblack/our-insights/the-state-of-ai-how-organizations-are-rewiring-to-capture-value>.
- Tobing, Fitriani., Hasfie Fauzan, Khairani Simatupang, and Ryan Auliya. “The Role of Artificial Intelligence in the Halal Industry.” *Information Management and Business Review* 16, no. 3 (2024): 159-166. [https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3\(I\)S.4050](https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3(I)S.4050).
- Whiting, Kate. “The Impact of AI on Growth.” *World Economic Forum*, <https://www.weforum.org/stories/2023/05/growth->

[summit-2023-the-impact-of-generative-ai-on-growth-according-to-experts/](#).

Wimra, Zelfeni., Yasrul Huda, Mahlil Bunaiya, and Abdul Rahim Hakimi. "The Living Fiqh: Anatomy, Philosophical Formulation, and Scope of Study." *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah* 22, no. 1 (2023): 185–198. <http://dx.doi.org/10.31958/juris.v22i1.9491>.

Yang, Kai-Cheng., Onur Varol, Clayton A. Davis, Emilio Ferrara, Alessandro Flemmini, and Filippo Menczer. "Arming the Public with Artificial Intelligence to Counter Social Bots." *Human Behavior and Emerging Technologies* 1, no. 1 (2019), 48–61. <https://doi.org/10.1002%2Fhbe2.115>.